

GOLDEN SCHOOL HOLIDAY

BAHASA MELAYU TINGKATAN 4

MODUL SOALAN SPM (K2) 2JAM 30MINIT

ARAHAN:

1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan tersebut mengikut format teknik menjawab soalan SPM sebenar.
2. Terdapat dua soalan peribahasa, anda dikehendaki menjawab kedua-duanya.
3. Soalan-soalan merangkumi buku KOMSAS & NOVEL tingkatan 4 & 5.
4. Anda **diwajibkan** menghantar GSH melalui email guru- farahidayumohd@gmail.com
5. Tarikh akhir penghantaran GSH adalah pada **JANUARI 2019**.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak dan kepentingannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kecenderungan kanak-kanak untuk memilih makanan segera mewujudkan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Lebih memburukkan keadaan, kanak-kanak terdedah dan tertarik pada iklan makanan segera berjenama terkenal yang menggiurkan pada setiap hari. Makanan ringan sangat mudah diperolehi di merata-rata tempat malahan bukan suatu yang pelik apabila premis perniagaan yang menjual makanan segera banyak dibuka di hadapan pintu pagar sekolah.

Makanan ringan ini manis, berwarna-warni dan mempunyai pek pembungkus yang menarik di samping bungkusan makanan ini dimuatkan dengan hadiah mainan kecil yang cukup mengujakan, terutamanya bagi kanak-kanak yang masih kecil.

Akademik Pediatrik Amerika mencadangkan beberapa kaedah bagi menyusun atur semula jadual pemakanan dan tabiat makanan seharian anak yang sihat. Kedua-dua pihak perlu sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menyediakan pilihan makanan berkhasiat dalam hidangan makanan utama. Di samping itu, ibu bapa perlu menentukan jenis makanan, tempat dan waktu makan untuk anak-anak mereka.

Anak pula perlu bertanggungjawab untuk memilih kuantiti makanan yang perlu dimakan. Hal ini berkemungkinan memerlukan tempoh masa yang lama tetapi tindakan ini dapat *meningkatkan tahap disiplin* dari aspek pemilihan makanan yang berkhasiat. Ibu bapa wajar mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat supaya dapat diteladani oleh anak-anak. Selain itu, saranan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kempen Gaya Hidup Sihat menggalakkan masyarakat mengambil makanan mengikut piramid makanan dalam menu harian. Melalui amalan ini, masyarakat lebih mudah berbincang tentang tabiat pemakanan dan jenis makanan yang baik bagi seisi keluarga.

Malahan, ibu bapa juga digalakkan untuk makan bersama-sama anak dalam tempoh yang kerap. Menu makanan yang disediakan perlu menarik, pelbagai dan segar. Jika mampu, anak boleh dibawa berjumpa pakar pemakanan atau hadir ke pusat kesihatan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan dan khidmat nasihat yang sewajarnya diperolehi. Nasihat doktor tentang tabiat makanan yang betul lebih dipercayai oleh anak berbanding dengan nasihat ibu bapa. Daripada perspektif agama, didikan tentang kepentingan penjagaan aspek pemakanan berdasarkan konsep bersih dan berkualiti menjadi tanggungjawab ibu bapa. Maka, ibu bapa perlu berusaha sebaik-baik mungkin supaya kaedah pemakanan dan cara hidup yang berkualiti selaras dengan agama dibudayakan.

Jika pemakanan anak tidak diselaras dan dikawal oleh ibu bapa, anak mudah menghidap penyakit kronik yang dapat memberikan kesan negatif. Oleh itu, pemilihan makanan yang tepat turut membantu seisi keluarga memiliki badan yang sihat. Ironinya, kita perlu mengambil makanan yang sihat supaya individu dan masyarakat menerima kesan positif daripada tabiat

pemakanan ini. Jika masyarakat masih ingkar dan tidak mahu berubah sudah pasti jumlah pesakit penyakit kronik di negara ini akan bertambah. Ketika itu mungkin sudah terlewat untuk kita semua mengambil langkah pencegahan kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Pemakanan Anak Dapat Diatur'
oleh Khairunneezam Mohd. Noor,
Dewan Kosmik, April 2015

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan tahap disiplin*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab makanan segera menjadi pilihan utama anak-anak? [3 markah]
- (iii) Masyarakat di negara kita kini mempunyai tabiat pengambilan makanan tidak sihat. Huraikan pendapat anda tentang cara yang berkesan bagi menangani tabiat tersebut. [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- POSMEN : Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?
- AIMAN : Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?
- POSMEN : Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program itu. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tak akan lepaskan peluang ini.
- AIMAN : Abang buang saja surat ini. Saya tak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ini. Ayah saya banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga saja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi ...ha...ha...ha.
- POSMEN : Tak baik cakap macam itu, banyak faedahnya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum tu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperolehi nanti.
- AIMAN : Abang ini cakap banyak pula, macamlah abang pernah sertai program tu.
- POSMEN : Memanglah abang tak pernah sertai program itu. Tapi, hasil daripadanya dah banyak yang abang nampak.
- AIMAN : Tak fahamlah saya, bang.
- POSMEN : Maksud abang, remaja yang dah menyertai program ini, apabila tamat latihan, banyak kesan positif yang akan wujud dalam diri mereka. Anak jiran abang dulu pemalas. Kalau balik rumah cuma tahu tidur dan makan saja. Tapi selepas tamat program itu, abang tengok dia dah rajin tolong keluarganya dan baru nampak rasa hormat kepada orang tua. Hasil yang paling dekat dengan adik abang sendiri. Memang bagus program itu. Banyak perubahan positif dalam diri dia.
- AIMAN : Apa sajalah. Doakanlah, mana tahu terbuka hati saya untuk sertainya kelak.

Dipetik daripada drama "Berkhidmat untuk Negara"
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP

- (i) Mengapakah Aiman tidak berminat untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara?
[2 markah]
- (ii) Sebagai anak remaja yang berwawasan, bagaimanakah anda menunjukkan perasaan cinta akan negara?
Kemukakan cadangan anda.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Aiman yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan yang lain daripada keseluruhan drama tersebut.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh berlempak kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, *sekadar menantikan musim juga lagi*.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sekadar menantikan musim juga lagi*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi Sidi Arab sebaik sahaja mendapat tahu bahawa Melaka akan diserang oleh Siam.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan sebelum menghadapi peperangan.
[3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kudup Perang

Sementara dia bergelar panglima
laskar perang; yang terus-menerus
membajakan kezaliman – sering
mengudupkan putik dendam
kita masih perlu berterima kasih
kepada jari-jemari takdir
kerana membenarkan sepasang mata
untuk berlari dengan tangan bergari
sempat juga menadah sejambak puisi
untuk sehari lagi; sambil bertanya:
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
ke luar jendela;sewaktu fajar menghembus
ringkik kuda, gemerincing
pedang pusaka
dan darah yang tiba-tiba membuak
di daerah angkara – perciknya
menumbuhkan kelopak rahsia
dalam keliru, tertanya-tanya kita
tangan mana yang memenggal
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
tidak mahu
menyanjungnya pendekar paling gagah
kerana takhta setia terbina
di istana wangsa
bukanlah penjamin kukuhnya
pasak saksama
sesekali turut direntakan daki pendusta
melekatlah selumbar sengsara
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
menggelarnya sebagai pengkhianat
kerana kita masih menangi
peta keadilan yang tersiat – nun, karam
di lautan kesumat
sedang warga memanggilnya keramat.

perang pun melecurkan lidah muslihat
bercabang lalu bertemu bayu palsu;
bertiup dan memindahkan kebenaran pada
tempatnya
mewamakan keindahan pada hodohnya
menjungkitkan amarah pada damainya
teramat lara kita menjahit semula
perca-perca bahagia – seperti perawan
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,
kita masih bertengkar
tentang siapa
pahlawan sebenarnya.

Dipetik daripada sajak 'Kudup Perang'
oleh Tuah Sujana dalam antologi
Sejadah Rindu, Kementerian
Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap ketiga sajak tersebut, nyatakan dua perkara yang menyebabkan Hang Tuah dianggap bukan pahlawan sebenar.

[2 markah]

- (ii) Mencari seorang pemimpin yang benar-benar memiliki ketokohan untuk menerajui sesebuah organisasi amat sukar.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang pemimpin yang berkaliber?

[3 markah]

- (iii) Huraikan dua nilai murni yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

- (i) corat-coret
- (ii) kusut-masai
- (iii) remeh-temeh
- (iv) remuk-redam
- (v) mundar-mandir
- (vi) lentang-lentung

[6 markah]

- (b) *Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Golongan petani membersihkan kawasan tanah kebun dengan kaedah pembakaran terbuka.
- (ii) Kami telah membawa mangsa kemalangan jalan raya itu ke hospital sebelum ambulans tiba di tempat kejadian.
- (iii) Anda dapat menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung sekiranya anda menjadi pelanggan stesen televisyen kami.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Amalan rumah terbuka merupakan keunikan yang hanya ada di Malaysia dan tidak ada di negara lain. Tradition ini perlu diteruskan dan perlu menjadikan contoh kepada generasi baharu. Semasa rumah terbuka, pelbagai juadah dihidangkan seperti sate, nasi impit, tosai, kuih sepi dan sebagainya. Melalui rumah terbuka, masyarakat berbilang bangsa di negara kita dapat merasakan juadah yang disediakan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pelabuhan Klang terkenal kerana banyak kapal-kapal dari serata dunia yang berhenti di situ.
- (ii) Golongan budayawan wajar memartabatkan Bahasa Melayu sehingga disanjung tinggi di peringkat dunia.
- (iii) Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis telah menganugerahkan pingat di dalam majlis yang diadakan di Istana Arau.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan satu peribahasa lain yang sama atau hampir sama maksudnya dengan peribahasa yang bercetak tebal.*

- (i) Penduduk kampung Seronok sentiasa menghadapi susah dan senang bersama-sama ibarat kata peribahasa **hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah**.
- (ii) Walaupun Tan Sri Aliff kaya dan berpengaruh dalam masyarakat, namun beliau tetap merendah diri dan sering bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat bak kata peribahasa **ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk**.
- (iii) Sikap Marissa yang melupakan jasa ibu angkatnya tidak ubah seperti **ulat lupa akan daun** kerana dia sanggup melupakan ibu angkatnya apabila bertemu semula dengan ibu kandungnya.

[6 markah]

(e) **Isi tempat kosong dalam petikan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.**

- (i) Hubungan mesra Dato' Amir dengan pelbagai lapisan masyarakat di kampungnya tidak menjejaskan kedudukannya sebagai ketua pengarah sebuah syarikat kerana _____.
- (ii) Murid-murid membuat kajian sejarah di Melaka sambil melawat tempat-tempat bersejarah _____.
- (iii) Walaupun keuntungan yang diperoleh syarikat Zahir dan Malim pada tahun ini agak merosot, mereka telah berjanji untuk mengharungi susah dan senang bersama-sama, bak kata peribahasa Melayu _____.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (v) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vi) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu bt Mohd Yusop
- (vii) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayib
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan *dua* pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan _____ novel yang anda pelajari, huraikan cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapinya.

[8 markah]